

02/12/1999

Rais berjanji utamakan khidmat

JELEBU, Rabu - Datuk Dr Rais Yatim yang memenangi semula kerusi Jelebu, menyifatkan kemenangannya sebagai luar dugaan, lantaran beberapa cabaran dan rintangan yang dihadapi parti di seluruh negara.

Sambil terharu dengan kejayaannya memperoleh kelebihan 7,119 undi, bekas Menteri Penerangan itu, berkata beliau berjanji akan mengutamakan khidmat kepada rakyat sebagai wakil rakyat, menggantikan Yunus Rahmat.

Yunus Rahmat yang juga Ketua Umno bahagian Jelebu tidak dipilih mempertahankan kerusi berkenaan dalam pilihan raya kali ini.

Rais memperoleh 17,028 undi, manakala pencabarnya, Jaafar Muhamaad memperoleh 9,909 undi.

Katanya, keputusan itu diperoleh melalui suara rakyat dan berterima kasih kepada pengundi yang memilihnya.

"Walaupun sudah agak lama berkecimpung dalam arena politik, beliau tetap menghargai kemenangan itu.

"Kemenangan itu amat menggembirakan, malah memperakukan kepercayaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberi peluang untuk bertanding pada kerusi itu," katanya yang bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada rakyat.

Beliau berkata, kemenangan ini menunjukkan fikiran rakyat lebih bertumpu kepada keamanan dan keadilan serta masa depan keluarga.

(END)